

# MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2013

---

## MINIT MESYUARAT PUSTAKAWAN SISTEM MAKLUMAT MALAYSIA (MySyL) BIL 1/2013

**Tarikh** : 21 Mac 2013  
**Hari** : Khamis  
**Masa** : 9.00 pagi - 2.00 petang  
**Tempat** : Perpustakaan Sultan Abdul Samad,  
Universiti Putra Malaysia

### **Hadir:**

Cik Sarifah Abdullah (UIAM)	-Pengerusi
En. Shaiful Yazam Mat (UPM)	
Cik Zuraidah Darus (UUM)	
Pn. Nor Asikin Mohamad (UTM)	
En. Mohd Izwan Salim (UiTM)	
Pn. Zuhaslinda Sulaiman (UiTM)	
En. Syed Mohammad Helmy Syed Md. Akhir (UMT)	
En. Mohd Kamal Mohd Yusoff (UniKL)	
En. Khairul Asyran Sulaiman (UPSI)	
En. Rozman Che Ross (UPSI)	
En. Afzanizam Dullah Hashim (UPSI)	
En. Norkamarizal Kamarudin (MMU)	
En. Hazmir Hj. Zainal (UKM)	
En. Md. Hafiz Ahmad Zulkifli (UKM)	
En. Mohd Najib Abdullah (UPNM)	
Pn. Rozana Kamdani (USIM)	
En. Amirul Firdaus Zilah (UMK)	
Cik Norshahila Che Din (UTeM)	
Pn. Rosnorzaini Rusli (UniSZA)	
En. Mohd Shahrul Annuar Alawi (UniMAP)	
Pn. Noor Azlinda Wan Jan (USM)	
En. Muizzudin Kaspol (UPM)	-Setiausaha

### **Tidak Hadir:**

En. Muhammad Syafaruddin Mahali (UMS)  
Pn. Amelia Hasan (UMP)  
Pn. Korina Ibrahim (UNIMAS)  
En. Suhaimi Mohd Sukor (UTHM)  
Cik Sharifah Fahimah Saiyed Yeop (UTP)  
Pn. Wan Irma Wan Hamat (UNITEN)  
En. Mohd Fuad Jamal (UNITEN)  
En. Ahmad Munawar Momad Anuar (OUM)  
Pn. Tengku Zemy Azmira Tengku Aziz (UIAM)  
En. Haslan Tamjehi (UM)

# MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2013

---

Bil. Minit	Perkara	Tindakan	Tarikh
<b>MINIT 1.0</b>	<b>UCAPAN ALUAN</b>		
	Pengerusi memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah serta memberi ucapan aluan dan mengalunkan kedatangan Pustakawan / Pegawai Sistem dan Teknologi Maklumat ke Mesyuarat MySyL ke-1/2013.	Makluman	
<b>MINIT 2.0</b>	<b>PENGESAHAN MINIT MESYUARAT MySyL 3/2012</b>		
	Wakil UPM mencadangkan supaya Minit Mesyuarat MySyL Bil. 3/2012 disahkan dengan pindaan pada senarai kehadiran mesyuarat MySyL Bil 3/2012, dan disokong oleh wakil UiTM.	Makluman	
<b>MINIT 3.0</b>	<b>PERKARA BERBANGKIT</b>		
3.1	<b>Laporan Portal MyUniNet, MyTO dan MyULIS</b>		
3.1.1	<b>Kemas kini data tesis di Portal MyTO</b> Mesyuarat dimaklumkan bahawa sehingga Mac 2013, sebanyak 46,192 rekod tesis Master dan PhD dari semua universiti (IPTA dan IPTS) telah di muat naik ke Portal MyTO dan ada universiti yang masih belum mengemaskini rekod tesis kerana masih belum mempunyai koleksi tesis Master dan PhD. Rujuk senarai universiti yang telah mengemaskini rekod tesis di lampiran 1.	Makluman	
3.1.2	<b>Kemaskini data bahan terbitan bersiri di Portal MyULIS</b> Mesyuarat telah dimaklumkan masih terdapat universiti yang tidak mengemaskini rekod bahan terbitan bersiri di Portal MyULIS. Sehingga Mac 2013, sebanyak 14,618 rekod bahan terbitan bersiri telah dimuat naik. Rujuk senarai universiti yang telah mengemaskini rekod di lampiran 2.  Mesyuarat bersetuju untuk menghantar maklumat Tajuk jurnal, ISSN, Penerbit dan Format jurnal sebelum 30 April 2013, untuk dimasukkan pada "Master List" di Portal MyULIS.	Makluman  Makluman	
		Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat	30 April 2013

# MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2013

3.2	<p><b>Sistem Aplikasi Inter Library Loan (ILL)</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahawa,</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Server baharu untuk tujuan penempatan aplikasi ILL ini, telah diperoleh pada Februari 2013.</li><li>• Satu sesi latihan penggunaan aplikasi ILL ini akan diadakan pada 21 Mac 2013, jam 2.00 petang bertempat di Bilik Malawati, Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Latihan ini diberikan kepada semua pentadbir sistem di setiap universiti terlebih dahulu, sebelum diberikan kepada pegawai yang bertangungjawab dalam urusan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP)</li></ul> <p>Mesyuarat bersetuju untuk membuat percubaan pada sistem ILL ini serta memberikan komen dan maklumbalas kepada wakil MMU untuk penambahbaikan pada sistem. Sistem ILL ini boleh di akses menggunakan URL <b><u><a href="http://library.mmu.edu.my/perpun/pap/index.php">http://library.mmu.edu.my/perpun/pap/index.php</a></u></b></p>		
3.3	<p><b>Sistem Aplikasi Katalog Induk PERPUN (KIP)</b></p> <p>Mesyuarat dimaklumkan bahwa;</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Sehingga kini 4,691,400 rekod yang telah dimuat naik ke sistem aplikasi KIP.</li><li>• USIM dan UMK masih belum menghantar data MARC ke UUM untuk dimuat naik ke sistem ini kerana rekod MARC kedua-dua universiti ini mempunyai nilai TAG 001 yang sama bermula dengan vtls. Kedua-dua universiti akan menukar TAG 001 ini kepada akronim nama universiti sebelum dihantar ke UUM.</li><li>• Mesyuarat bersetuju untuk menghantar rekod MARC kepada UUM sebanyak 4 kali setahun bermula pada bulan Mac, Jun, September dan December, dan data pada bulan ini akan dihantar selewat-lewatnya pada 31 Mac 2013.</li></ul>	Makluman	Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat  Pegawai/Pustakawan Sistem Maklumat  31 Mac 2013

## MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2013

---

	Mesyuarat mengambil maklum bahawa, bagi universiti yang menggunakan sistem Virtua, pihak VTLS boleh menggabungkan TAG 001 dengan TAG 003 dan menukar perkataan “vtls” kepada akronim nama universiti.  Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa, URL link <a href="http://elib.uum.edu.my/kip/">http://elib.uum.edu.my/kip/</a> untuk sistem KIP ini boleh diletakkan di portal perpustakaan universiti	Makluman	
3.4	<b>Kaji Selidik Kepakaran Pustakawan Perpustakaan Akademik Malaysia</b>  Mesyuarat dimaklumkan sehingga kini sebanyak 238 responden yang telah menjawab kaji selidik ini rujuk jumlah responden di lampiran 3.  Mesyuarat bersetuju untuk wakil UPM dan UKM membuat analisa kaji selidik ini, dan hasil analisa perlu dilaporkan pada mesyuarat yang akan datang.	Makluman	
		Wakil UPM dan UKM	Jun 2013
<b>MINIT 4.0</b>	<b>HAL-HAL LAIN</b>		
4.1	<b>Kemaskini maklumat perpustakaan di laman web <a href="http://www.librarytechnology.org/">http://www.librarytechnology.org/</a></b>  Wakil UKM telah berkongsi maklumat laman web Library Technology Guides yang dapat membantu pustakawan untuk mendapatkan maklumat mengenai teknologi dan aplikasi automasi terkini di bidang perpustakaan.  Mesyuarat juga mengambil maklum untuk mengemaskini maklumat perpustakaan masing-masing di laman web ini, untuk tujuan perkongsian maklumat di antara semua perpustakaan di dunia.	Makluman	
4.2	<b>Lantikan Naib Pengerusi</b>  Mesyuarat telah sebulat suara melantik En. Hazmir Bin Hj. Zainal dari UKM sebagai Naib pengerusi MySyL, untuk menggantikan En.	Makluman	

# MINIT MESYUARAT MySyL BIL 1/2013

---

	Ahmad Abdul Wafi b. Abd. Karim dari UPNM.  Mesyuarat juga mencadangkan MySyL perlu mewujudkan satu terma rujukan, dan fungsi setiap jawatankuasa dalam mesyuarat. Perkara ini perlu dibentangkan pada mesyuarat akan datang.	Setiausaha dan wakil UKM	Jun 2013
<b>4.3</b>	<b>Laporan dari wakil Mesyuarat</b>		
<b>4.3.1</b>	Universiti Malaysia Terengganu (UMT) melaporkan kepada mesyuarat bahawa nama Perpustakaan Sultanah Nur Zahirah, telah ditukar kepada Pusat Pembelajaran Digital Sultanah Nur Zahirah	Makluman	
<b>4.3.2</b>	Wakil Universiti Teknologi Malatsia (UTM) memaklumkan bahawa proses pengumpulan data KPI PERPUN masih lagi dijalankan. Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa wakil UTM akan membentangkan hasil laporan data KPI PERPUN yang dikumpul oleh UTM pada mesyuarat akan datang.	Wakil UTM	Jun 2013
<b>4.4</b>	<b>Penangguhan Mesyuarat</b>  Mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.30 tengahari, dan diteruskan dengan pertunjukkan peralatan pencetak dan pengimbas dari pihak luar.	Makluman	

Disediakan oleh:

Muizzudin Kaspol

Setiausaha,

Perpustakaan Sultan Abdul Samad,  
Universiti Putra Malaysia.

Disahkan oleh:

CIK SARIFAH ABDULLAH

Timbalan Ketua Pustakawan  
Perpustakaan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
merangkap Pengerusi MySyL